

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI PERLIS****SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MENCUCI DAN MEMBERSIH KAWASAN BANGUNAN DI IBU PEJABAT JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI PERLIS BAGI TAHUN 2022/2024**

1. Tawaran ini adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang Perkhidmatan Mencuci Bangunan dan Membersih kawasan di bawah **Kepala dan Sub-Kepala 221001 (Pembersihan Bangunan dan Pejabat) dan 221002 (Membersih Kawasan)** yang masih sah dan berkuatkuasa sekurang-kurangnya 3 bulan.
2. Sebut Harga ini adalah bagi kawasan seperti Jadual di bawah:

LOKASI PERKHIDMATAN	TARIKH IKLAN	TARIKH TUTUP DAN TEMPAT HANTAR DOKUMEN
Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis, 01000 Kangar, Perlis.	21 Jun 2022 (Selasa)	1 Julai 2022 (Jumaat) Peti Sebut Harga, Kaunter Khidmat Pelanggan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis

1. Tiada taklimat Sebut Harga yang diadakan. Namun, penyebut harga disarankan untuk melawat kawasan tersebut sepanjang tempoh Sebut Harga ini dibuka.
2. Dokumen Sebut Harga ini dijual dengan kadar harga sebanyak RM30.00. Bayaran boleh dibuat melalui portal ebayar.perlis.gov.my. Salinan resit hendaklah dikemukakan semasa pengambilan dokumen Sebut Harga. **Tiada bayaran yang diterima secara tunai.** Dokumen Sebut Harga boleh diambil mulai 21 Jun 2022 (Selasa) di Bahagian Pentadbiran & Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis, KM. 3, Jalan Raja Syed Alwi, 01000 Kangar, Perlis. Sila pastikan SSM dan Sijil MOF masih sah tempoh laku sekurang-kurangnya 3 bulan dari Sebut Harga ini dibuka. Penyebut harga dikehendaki bawa bersama cop syarikat, sijil asal SSM dan MOF semasa mengambil dokumen Sebut Harga. Seorang penyebut harga dibenarkan membeli satu dokumen Sebut Harga sahaja.
3. Tawaran Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga selewat-lewatnya pada tarikh tutup Sebut Harga jam 12.00 tengah hari pada atau sebelum **1 Julai 2022 (Jumaat)**.

4. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran Sebut Harga.
5. Keputusan Sebut Harga ini **MUKTAMAD** dan sebarang surat menyurat tidak akan dilayan.